

Stratigrafi di Barat Daya, Sabah

TRACY BINTI GUAN LEONG

Program Geologi, Fakulti Sains dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Sabah,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Emel: tracyguanleong@gmail.com

Kawasan kajian yang terletak di Barat Daya Sabah terdiri daripada empat formasi. Formasi tertua ialah Formasi Crocker (Awal Eosen hingga Lewat Miosen) yang terdiri daripada dua unit litologi iaitu unit lapisan batu pasir tebal berselang lapis dengan syal dan unit batu pasir nipis berselang lapis dengan syal. Formasi kedua merupakan Formasi Temburong (Awal Oligosen hingga Lewat Miosen) yang mempunyai dua unit litologi iaitu lapisan batu pasir nipis berselang lapis dengan syal dan unit lapisan syal tebal. Formasi ketiga ialah Formasi Meligan (Pertengahan Miosen hingga Pliosen) yang terdiri daripada tiga unit litologi iaitu unit batu pasir nipis berselang lapis dengan batu lumpur, unit batu pasir berselang lapis dengan batu lumpur nipis dan unit batu pasir tebal. Seterusnya, Formasi termuda dikenali sebagai Formasi Liang (Pliosen)

yang mempunyai dua unit litologi iaitu unit konglomerat yang disokong oleh butiran bersaiz granul ke tongkol dan unit batu pasir berkelikir yang disokong oleh matriks. Formasi Crocker dan Formasi Temburong yang merupakan endapan laut dalam mempunyai hubungan berjejari antara satu sama lain. Formasi Temburong ditindih oleh Formasi Meligan yang merupakan endapan laut cetek dengan ketakselarasan bersudut. Formasi Meligan juga ditindih oleh Formasi Liang yang merupakan endapan fluvial dengan ketakselarasan bersudut.

Kata Kunci: Barat Daya Sabah, Formasi Crocker, Formasi Temburong, Formasi Meligan, Formasi Liang, Eosen, Miosen, Oligosen, Pliosen, ketakselarasan